JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 5 (2) | DISEMBER 2025:106-122
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 9 Oktober 2025 Diterima : 4 November 2025 Atas Talian: 8 November 2025

TAHAP KETERCAPAIAN PENYELIDIKAN FATWA MENGGUNAKAN *MALAYSIAN THESIS ONLINE* (MYTO) DAN IMPAKNYA TERHADAP PENYELIDIKAN LANJUTAN BERKUALITI TINGGI

THE LEVEL OF FATWA RESEARCH COMPETENCY USING MALAYSIAN THESIS ONLINE (MYTO) AND ITS IMPACT ON THE OUTCOMES OF HIGH QUALITY FUTHER RESEARCH

[i]*Abdul Azib Hussain, [ii]Hamidi Abdul Ghani & [iii]Uwais Aqili Mohd Zain

[i-iii]Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *azibhussain83@gmail.com

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v5.324

ABSTRAK

Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) pada tahun 2005 telah berjaya merintis keberhasilan *Malaysian Thesis Online* (MyTO) hasil projek usaha sama di antara 25 buah perpustakaan universiti awan dan lima buah perpustakaan universiti GLC. MyTO berfungsi menuai dan mengindeks (*harvest and index*) data bibliografi tesis dan disertasi yang diinput dalam repositori institusi setiap perpustakaan universiti awan dan GLC termasuk kajian berkaitan fatwa. Pun begitu literatur-literatur penyelidikan yang terdapat dalam pangkalan data ini masih belum diterokai oleh para penyelidik di institusi pengajian tinggi seoptimum mungkin. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menilai tahap ketercapaian penyelidikan pengajian Islam secara khusus berkaitan bidang fatwa yang menggunakan data-data daripada MyTO serta menilai impaknya terhadap penghasilan penyelidikan lanjutan yang berkualiti di institusi pengajian tinggi. Kajian ini berbentuk kualitatif, menggunakan kaedah pengumpulan data secara kepustakaan dan lapangan melalui temu bual separa berstruktur. Data-data literatur diteroka terlebih dahulu secara umum dalam pangkalan data *Google Scholar* melalui kaedah carian menggunakan kata kunci ‘fatwa’ dan ‘pangkalan data’. Seterusnya data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan secara bertema dan deskriptif serta kaedah penilaian berpandukan model CIPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap ketercapaian penyelidikan bidang fatwa menggunakan data-data MyTO masih rendah, namun ia berpotensi memberikan impak positif lagi signifikan dalam menghasilkan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi.

Kajian lanjutan disarankan memberi tumpuan kepada penambahan hasil penerbitan penyelidikan baru yang menggunakan maklumat dalam pangkalan data MyTO seperti menambah kategori khusus berasaskan tema dan impak penerbitan bagi memperkukuhkan lagi rujukan digital seperti bidang fatwa.

Kata Kunci*: Malaysian Thesis Online* (MyTO), Fatwa, Tahap Ketercapaian, Penyelidikan Lanjutan, CIPP

ABSTRACT

The Malaysian Thesis Online (MyTO), initiated by the Conference of University Libraries and the National Library of Malaysia (PERPUN) in 2005, is a collaborative project involving 25 public university libraries and 5 government-linked university libraries. MyTO functions to harvest and index bibliographic data of theses and dissertations uploaded to each institution's digital repository, including research related to fatwa. However, the literature available in this database has yet to be fully explored and optimally utilised by researchers in higher education institutions. Therefore, this study aims to assess the extent of accessibility to Islamic studies research, specifically in the field of fatwa, that utilises MyTO data, and to evaluate its impact on producing high-quality follow-up research in universities. This qualitative study employed both library-based and field data collection methods through semi-structured interviews. Preliminary data were gathered via general searches on Google Scholar using the keywords ‘fatwa’ and ‘database’. The collected data were then analysed thematically and descriptively using content analysis methods, supported by the CIPP evaluation model. The findings indicate that the level of research accessibility in the field of fatwa using MyTO data remains relatively low. Nevertheless, it holds significant potential to positively contribute to the production of higher-quality subsequent research. Future studies are recommended to focus on expanding publication output that utilises MyTO data, such as by introducing specific categories based on research themes and publication impact, in order to further strengthen digital references in fields such as fatwa.

Keywords: Malaysian Thesis Online (MyTO), Fatwa, Level of Achievement, Futher Research, CIPP

PENDAHULUAN

Penyelidikan ilmiah adalah suatu proses penerokaan ilmu secara mendalam yang sangat bergantung kepada pengumpulan data dan analisis. Mutakhir ini, proses pengumpulan dan analisis data bagi kajian tesis dan disertasi menjadi semakin senang dengan adanya pangkalan data secara digital sama ada secara *online* atau *offline*. Ia menjadi sangat signifikan sebagai platform asas dalam membina dan mengembangkan ilmu pengetahuan serta memudahkan proses sorotan literatur dan kajian. Menurut Rowley, J. E., & Hartley, R. J. (2008), sistem repositori bukan sekadar ruang simpanan digital namun ia turut memainkan peranan penting dalam penghasilan ilmu baharu, menjejak trend penyelidikan serta mengukuhkan akses terbuka kepada ilmu pengetahuan.


Di Malaysia, perkembangan penyelidikan dalam tesis dan disertasi telah diperkasakan melalu pelbagai pangkalan data termasuk penggunaan repositari digital seperti *Malaysian Thesis Online* (MyTO). MyTO merupakan inisiatif nasional hasil daripada Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) pada tahun 2005 yang menggabungkan 25 perpustakaan universiti awam dan lima perpustakaan universiti GLC bagi menyimpan dan mengindeks tesis dan disertasi tempatan (Muizzudin Kaspol, 2024; Zulkefli Mohd Yusop, 2007). MyTO menghimpunkan pelbagai tesis dan disertasi daripada bidang sains, sains sosial dan kemasyarakatan dari pelbagai perpustakaan universiti awam dan swasta. Pangkalan data ini memaparkan maklumat bibliografi, abstrak dan beberapa bahagian penting tesis sahaja, serta mengekalkan bahasa dalam tesis tersebut iaitu Bahasa Melayu, Arab dan Inggeris (Yusof, A. R. M., Hamdan, M. F., & Baharuddin, S. A., 2015).

Beberapa penyelidikan terdahulu yang menggunakan maklumat dalam pangkalan data MyTO pernah disentuh oleh beberapa pengkaji, namun secara umumnya ia masih belum digunakan seoptimum mungkin. Contohnya dalam bidang pengajian Islam yang secara khususnya berkaitan fatwa. Masih terdapat ruang-ruang penyelidikan yang boleh dibangunkan menggunakan literatur dalam pangkalan data ini. Pemetaan penyelidikan melalui MyTO boleh membantu mengenal pasti jurang penyelidikan dalam bidang fatwa serta menyokong kolaborasi ilmiah di antara institusi pengajian tinggi. Ketiadaan eksplorasi yang menyeluruh menggunakan data-data ini telah menimbulkan persoalan mengenai tahap ketercapaian dan kesannya terhadap penghasilan kajian lanjutan yang berkualiti tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap ketercapaian penyelidikan bidang fatwa menggunakan data-data MyTO serta menilai impaknya terhadap penghasilan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi.

SOROTAN LITERATUR

Penerokaan terhadap sumber kajian lepas mendapati trend penyelidikan dan penulisan yang menggunakan maklumat dalam pangkalan data mutakhir ini secara umumnya boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu; [Pertama] Penyelidikan menggunakan maklumat pangkalan data antarabangsa; [Kedua] Penyelidikan menggunakan maklumat pangkalan data tempatan; [Ketiga] Kajian menggunakan maklumat pangkalan data portal, dan; [Keempat] Kajian menggunakan maklumat pangkalan data institusi. Ini dipaparkan dalam rajah 1 seperti di bawah:

Rajah 1: Kategori Penyelidikan Menggunakan Maklumat Pangkalan Data



Sumber: Penyelidikan, 2025

Penyelidikan menggunakan maklumat pangkalan data antarabangsa contohnya adalah seperti Scopus. Ia memuatkan penulisan dan hasil kajian para penyelidik dari seluruh dunia yang memfokuskan kepada artikel jurnal berimpak tinggi. Kebiasaannya ia mengenakan bayaran tertentu kepada pelanggan yang ingin mengakses maklumat di dalamnya. Antara hasil penyelidikan yang telah diterbitkan menggunakan maklumat pangkalan data Scopus adalah seperti artikel Ahmad, F. A. (2024) bertajuk 'Analisis Bibliometrik Penerbitan Prestasi Institusi Kewangan Islam dalam Pangkalan Data Scopus'; kajian Khalli, M. N. M., & Halmi, M. F. A. (2023) bertajuk 'Analisis Bibliometrik Kajian Sains Sosial Di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam Pangkalan Data Scopus sehingga Tahun 2021'; tulisan Abidin, M. S. Z., & Abd Latif, F. (2022) berjudul 'Kajian Bibliometrik Penerbitan Mengenai al-Ghazali dalam Pangkalan Data Scopus'; artikel Ahmad, F. A., & Ibrahim, A. (2022) bertajuk 'Analisis Bibliometrik ke atas Hisbah dan Ombudsman dalam Pangkalan Data Scopus'; tulisan Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Mohd Nasir Abdul Majid (2021) berjudul 'Tinjauan Penyelidikan Fatwa di Malaysia: Kajian Pangkalan Data dalam Talian Menggunakan Scopus'; dan banyak lagi.


Manakala penyelidikan menggunakan maklumat pangkalan data tempatan pula contohnya adalah seperti MyTO. Ia memfokuskan kepada maklumat bibliografi ringkas berkaitan tesis dan disertasi yang telah diterbitkan oleh penyelidik di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Antara penyelidikan yang telah dihasilkan menggunakan maklumat pangkalan data ini adalah seperti artikel Hussain, A. A., Ghani, H. A., Zain, U. A. M., & Abdullah, M. A. (2024) bertajuk 'Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa: Analisis Bibliometrik Tesis Malaysia dalam Talian (MyTO) Selama Empat Dekad'; tulisan Nasir, K., Zaman, R. K., & Adnan, I. (2023) yang memfokuskan 'Analisis Bibliometrik Tesis dan Disertasi Tentang Ulama Hadith Dalam Kajian Pascasiswazah di Malaysia'; kajian Nasir, M.

K. M., Zaman, A. R. K., Azid, M. A. A., & Hussain, A. A. (2021) bertajuk 'Trend Kajian Hadis Berasaskan Teknologi Maklumat dan Digital: Suatu Sorotan Literatur'; serta beberapa kajian lain.

Pangkalan data portal pula bermaksud suatu ruang yang menghimpunkan pelbagai pangkalan data. Contohnya seperti u-Pustaka (Perpustakaan Negara Malaysia), Malaycivilization, DOAJ, JSTOR dan sebagainya. Antara kajian yang dihasilkan menggunakan maklumat pangkalan data ini adalah seperti artikel Yusof, A. R. M., Hamdan, M. F., & Baharuddin, S. A. (2015) bertajuk 'Pembangunan Pangkalan Data Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu: Suatu Usaha Memposisi dan Memartabatkan Bahasa Melayu di Peringkat Global'. Kajian beliau mengetengahkan idea dan konsep mewujudkan pangkalan data dalam Bahasa Melayu sebagai usaha untuk mengangkat peradaban dan tamadun Melayu di persada dunia.

Manakala pangkalan data institusi pula adalah seperti pangkalan data yang dihasilkan oleh perpustakaan universiti awam atau swasta. Contohnya Pendeta UM, Gemilang UKM, Dar al-Hikmah Library (UIA) dan banyak lagi. Antara penyelidikan yang pernah dihasilkan menggunakan maklumat pangkalan data ini adalah seperti tulisan Abd Rahman, A. R., Mohd Nadzar, F., & Sahrani, R. (2013) bertajuk 'Pengabstrakan dan Pengindeksan di Malaysia: Satu Tinjauan'. Kajian beliau menghuraikan perkembangan aktiviti pengindeksan dan pengabstrakan yang diterbitkan secara pangkalan data berkomputer selari dengan pengamalan yang dilakukan di negara-negara besar.

Maklumat-maklumat kajian bidang pengajian Islam yang terdapat dalam empat kategori pangkalan data di atas terlalu banyak khususnya berkaitan fatwa, namun ia masih belum dilakukan penerokaan mendalam. Berdasarkan sorotan literatur penyelidikan yang menggunakan maklumat dalam empat kategori pangkalan data yang telah diterangkan di atas, penulis mendapati tahap penerokaan penyelidikan bidang pengajian Islam yang secara khusus berkaitan fatwa masih terlalu rendah. Dalam tempoh 10 tahun mutakhir antara 2014 hingga 2024, perbandingan penyelidikan fatwa yang dihasilkan menggunakan data daripada empat kategori pangkalan data tersebut boleh dirumuskan dalam paparan carta 1 seperti di bawah:



Sumber: Penyelidikan 2025

Merujuk kepada carta 1 di atas, penyelidikan fatwa yang dilakukan oleh pengkaji menggunakan maklumat-maklumat yang terdapat dalam pangkalan data hanya tertumpu kepada dua sumber iaitu Scopus dan MyTO iaitu masing-masing pada tahun 2021 (1 penyelidikan) dan 2024 (1 penyelidikan). Ini bermakna ruang penerokaan kajian lanjutan dalam bidang fatwa menggunakan maklumat dalam pangkalan data tersebut masih terlalu luas untuk dilaksanakan.

SKOP KAJIAN

Penulisan ini hanya membataskan skop penyelidikan yang dihasilkan menggunakan maklumat yang diambil daripada pangkalan data MyTO berkaitan bidang fatwa dalam tempoh 10 tahun sahaja (2014 hingga 2024). Pangkalan data MyTO dijadikan sebagai fokus kajian kerana ia merupakan hasil ciptaan anak watan. Pangkalan data ini menyimpan maklumat disertasi dan tesis yang merupakan titik awal hasil penyelidikan para penuntut pasca siswazah sebelum mereka bergelar sarjana, doktor PhD atau penyelidik yang hebat.

Manakala bidang fatwa pula dijadikan sebagai subjek kajian kerana fatwa memainkan peranan besar dalam menyelesaikan permasalahan agama masyarakat, sentiasa berkembang, bersifat fleksibel dan memberikan panduan serta pegangan kepada masyarakat dalam menjalani hidup beragama. Ruang masa selama 10 tahun iaitu antara 2014 hingga 2024 pula dijadikan sebagai tempoh kajian kerana ia dikira tempoh terkini untuk mengenal pasti perkembangan penyelidikan kontemporari yang dihasilkan menggunakan data-data yang daripada MyTO.

METODOLOGI


Bentuk kajian ini berbentuk mod kualitatif kerana ia sesuai untuk bidang penyelidikan sains sosial yang memerlukan penjelasan kefahaman secara mendalam serta terperinci (Creswell, 2009). Penyelidikan ini dilaksanakan menggunakan dua metode utama iaitu; [1] Kaedah pengumpulan data, dan; [2] Kaedah analisis data.

Bagi proses pengumpulan data, penulis menggunakan metode dokumentasi iaitu merekod, mengumpul dan menghimpunkan maklumat dokumen berkaitan kajian secara kepustakaan. Ini termasuk bahan literatur yang diperolehi daripada Internet seperti jurnal, kertas persidangan, kitab-kitab dan carian maklumat dalam pangkalan data *Google Scholar* menggunakan kata kunci 'fatwa dan 'pangkalan data'. Dalam proses pengumpulan data juga, kaedah lapangan dengan cara temu bual informan separa berstruktur turut dilaksanakan. Informan yang ditemu bual adalah pegawai yang terlibat secara langsung dalam menguruskan pembangunan MyTO iaitu Muizzudin bin Kaspol, pegawai di Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat (BTSM), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Manakala kaedah analisis data pula dilaksanakan menggunakan beberapa metode seperti; [a] Metode induktif iaitu menganalisis data-data yang khusus dan terpisah kemudian digabungkan antara sama lain sehingga boleh diambil kesimpulan umum daripadanya. [b] Metode deduktif iaitu membuat penyataan bersifat umum bagi suatu fenomena sebelum dilanjutkan dengan penyataan bersifat khusus bagi fenomena tersebut (P Van Dalen, 1993). [c] Metode analisis kandungan secara bertema dan deskriptif iaitu menjelaskan literatur bibliografi menggunakan pangkalan data MyTO mengikut perincian tema berserta huraiannya.

Bagi menilai tahap ketercapaian penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO serta menilai impaknya terhadap penghasilan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi, maka penulis menggunakan metode dan model penilaian yang diperkenalkan oleh Thomas Kellaghan, Daniel L. Stufflebeam dan Lori A. Wingate (2003). Model ini dikenali sebagai *CIPP Evaluation Model* iaitu akronim daripada *Context, Input, Process* dan *Product*. Model penilaian ini dipilih kerana dianggap model yang lebih objektif dan efektif dari sudut penilaiannya serta bebas daripada kepentingan mana-mana pihak (Stufflebeam, 2003). Gambaran model CIPP ini dipaparkan dalam rajah 2 seperti di bawah:

Rajah 2: Gambaran Model CIPP dalam Menilai
Ketercapaian Penyelidikan Fatwa dan Impaknya



Sumber: Thomas Kellaghan, Daniel L. Stufflebeam dan Lori A. Wingate, (2003).

DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini telah berjaya mencungkil beberapa dapatan kajian seperti berikut:

Tahap Ketercapaian Penyelidikan Fatwa Menggunakan MyTO Masih Rendah

Dalam tempoh 10 tahun mutakhir (2014 - 2024), penulis mendapati hasil penyelidikan yang dilaksanakan menggunakan pangkalan data MyTO masih sangat rendah. Walaupun data terkini pada Julai 2025 menunjukkan bahawa pangkalan data MyTO mempunyai kelebihan dari sudut jumlah akses pengunjung seramai 544 399 orang, terdiri daripada 21 buah institusi, mempunyai 169 330 bahan berekod yang terdiri daripada empat jenis bahasa dan dua bentuk tesis (MyTO, 2025) seperti yang dipaparkan dalam rajah 3 di bawah, namun penggunaan data di dalamnya untuk tujuan penyelidikan dalam bidang fatwa masih tidak memberangsangkan.

Rajah 3: Fakta dan Angka berkaitan MyTO pada Julai 2025



Sumber: MyTO (http://myto.upm.edu.my/find/), 2025

Rajah di bawah pula menunjukkan data statistik akses portal MyTO dalam tempoh 4 tahun terkini iaitu antara tahun 2020 hingga 2024. Jumlah keseluruhan akses pengunjung dalam tempoh tersebut sahaja adalah seramai 541,255 orang.

Rajah 4: Statistik Akses Portal MyTO dalam 4 Tahun Terkini (2020 – 2024)



	Pelawat	Paparan	Klik Pautan	Muat Turun
2024	89573	409488	24072	41723
2023	109269	578926	34093	69366
2022	135643	695841	34804	89437
2021	101352	661831	19779	86672
2020	105418	595691	16196	81189

Sumber: Muizzudin Kaspol, 2024.

Walaupun begitu dalam tempoh 10 tahun seperti yang dinyatakan di atas, hanya ditemui satu penyelidikan sahaja yang berkaitan dengan fatwa diterbitkan menggunakan data dalam MyTO iaitu pada tahun 2024 yang bertajuk 'Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa: Analisis Bibliometrik Tesis Malaysia dalam Talian (MyTO) Selama Empat Dekad' (lihat carta 1).

Menurut analisis pengkaji, beberapa aspek kelemahan MyTO telah memberi kesan langsung terhadap tahap ketercapaian penyelidikan fatwa yang masih rendah. Pertama, kelemahan dari aspek klasifikasi tematik khusus untuk bidang fatwa menyebabkan penyelidikan fatwa sukar dikesan melalui carian biasa. Banyak tesis diklasifikasikan dalam bidang umum seperti Syariah, Usul Fiqh atau Pengajian Islam. Akibatnya, penyelidik perlu menelusuri banyak hasil carian yang tidak berkaitan sebelum menemui tesis yang tepat. Hal ini mengurangkan kecekapan dan keberkesanan pencarian maklumat.

Kelemahan kedua dari aspek keterhadan akses kandungan penuh (*full text*) tesis turut menyukarkan analisis mendalam terhadap kajian. Kebanyakan tesis hanya memaparkan abstrak tanpa pautan langsung kepada kandungan penuh, menyebabkan penyelidik tidak dapat menilai metodologi, sorotan literatur dan dapatan kajian dengan tepat.

Manakala kelemahan ketiga dari aspek kesepaduan pengindeksan bersama repositori Islamik lain contohnya seperti al-Manhal, *Islamic Studies Index* atau e-Fatwa. Keterasingan ini telah menghadkan ketercapaian penyelidikan fatwa di peringkat serantau dan global.

Secara umumnya, kelemahan-kelemahan ini menyebabkan tahap ketercapaian penyelidikan fatwa dalam MyTO masih rendah. Implikasinya, potensi MyTO sebagai pusat rujukan nasional bagi penyelidikan fatwa masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Kekayaan Data dalam MyTO belum Dimanfaatkan Sebaiknya

Berdasarkan penerokaan penulis, data mengenai penyelidikan fatwa ditemui dalam MyTO dari tahun 2014 hingga 2024 meliputi pelbagai tema dan tajuk, mencapai sekitar 50 buah literatur (MyTO, 2025). Ia meliputi 13 tema perbahasan terdiri daripada dua jenis penyelidikan iaitu tesis (45 buah) dan latihan ilmiah (5 buah). Data turut menunjukkan bahawa penyelidikan dihasilkan menggunakan tiga bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris. Dapatan data ini dipaparkan dalam jadual 1 seperti di bawah:


Jadual 1: Data Mengenai Tema dan Jenis Penyelidikan Fatwa dalam MyTO (2014-2024)

Bil.	**Tema**	**Jenis Penyelidikan**		**Jumlah**
		Tesis	**Latihan Ilmiah**	
1	Fatwa kontemporari	1	-	**1**
2	Pelaksanaan fatwa	1	-	**1**
3	Penyelarasan fatwa	1	-	**1**
4	Perundangan Islam	1	-	**1**
5	Metodologi fatwa	9	1	**10**
6	Pengurusan fatwa	1	-	**1**
7	Penerimaan fatwa	4	-	**4**
8	Cabaran fatwa	1	-	**1**
9	Peranan fatwa	1	-	**1**
10	Institusi fatwa	5	-	**5**
11	Analisis fatwa	18	3	**21**
12	Tokoh	1	1	**2**
13	Ijtihad	1	-	**1**
Jumlah		**45**	**5**	**50**

Sumber: Penyelidikan, 2025.

Merujuk kepada jadual 1 di atas, jenis penyelidikan di peringkat pasca siswazah iaitu tesis PhD dan master adalah paling tinggi iaitu sebanyak 90% (45 buah tesis), manakala penyelidikan di peringkat sarjana muda iaitu latihan ilmiah pula sebanyak 10% (lima buah) sahaja. Daripada jumlah keseluruhan tesis di peringkat pasca siswazah ini, 18 buah daripadanya adalah tesis PhD (40%), manakala 27 buah lagi adalah tesis master (60%). Ini dirumuskan dalam paparan rajah 5 seperti di bawah:


Rajah 5: Perincian Jumlah dan Peratus Data Penyelidikan



Sumber: Penyelidikan, 2025.

Hasil penelitian penulis turut mendapati data penyelidikan fatwa sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan mempunyai perkembangan yang baik dari setahun ke setahun pada peringkat lapan tahun terawal. Namun data penyelidikan ini semakin mengalami penurunan selepas tempoh masa tersebut. Keterangan kepada fenomena ini dipaparkan dalam graf 1 seperti di bawah:

Graf 1: Fenomena Perkembangan Data Penyelidikan Fatwa 2014-2024



Sumber: Penyelidikan, 2025.

Fenomena perkembangan data penyelidikan fatwa berdasarkan paparan graf di atas di anggap tidak stabil. Kekayaan sumber data yang ada dalam tahun terawal tidak dimanfaatkan sebaiknya untuk mengekalkan momentum keberhasilan penyelidikan fatwa pada tahun-tahun seterusnya. Melihat kepada situasi ini, adalah wajar pengkaji mengambil langkah proaktif untuk mengembangkan lagi data penyelidikan dengan menggunakan maklumat-maklumat literatur yang ada dalam pangkalan data MyTO bagi melaksanakan kajian lanjutan yang lebih banyak. Trend penurunan data kajian ini mempunyai implikasi yang tidak sihat kepada petunjuk prestasi penyelidikan fatwa di institusi pengajian tinggi dalam negara. Jika fenomena ini berterusan pada tahun-tahun mendatang, dibimbangi isu-isu fatwa tidak lagi diangkat sebagai kluster utama dalam agenda keberhasilan penyelidikan dalam pengajian Islam.

Pada hemat pengkaji, penurunan bilangan penyelidikan fatwa menggambarkan kemerosotan produktiviti dalam salah satu kluster utama pengajian Islam. Dalam konteks universiti, prestasi penyelidikan sering diukur melalui jumlah penerbitan, penyeliaan tesis dan impak ilmiah yang dihasilkan. Apabila kajian berkaitan fatwa semakin berkurang, ia memberi isyarat bahawa bidang ini kurang mendapat perhatian daripada penyelidik, pensyarah dan pelajar pasca siswazah sedangkan ia antara teras identiti pengajian Islam itu sendiri.

Dari sudut yang lain, ia turut membawa kepada kemerosotan wacana intelektual berkaitan kajian hukum dalam kalangan sarjana. Penyelidikan fatwa adalah medan ijtihad dan analisis mendalam terhadap isu-isu kontemporari umat Islam. Nilai fatwa dalam pentafsiran syarak harus dipugar sebagai sumber pemikiran dan pentarjihan (Amir, A. N., 2022). Trend penurunan penyelidikan fatwa menunjukkan berlakunya kelemahan dalam kesinambungan tradisi keilmuan Islam yang berasakan kajian empirikal dan perbahasan ilmiah. Ini menjadikan bidang fatwa seolah-olah tidak responsif terhadap isu-isu baharu seperti cabaran teknologi dan sosial semasa. Para sarjana pula dilihat kurang berfungsi dalam mengetengahkan penyelesaian hukum terhadap cabaran tersebut.

PERBINCANGAN

Penilaian Tahap Ketercapaian Penyelidikan Fatwa Menggunakan Data MyTO serta Impaknya terhadap Penghasilan Penyelidikan Lanjutan Berkualiti Tinggi

Pengkaji membuat analisis penilaian tahap ketercapaian penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO serta penilaian impaknya terhadap penghasilan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi berdasarkan model CIPP iaitu *Context, Input, Process* dan *Product*.

Penilaian konteks bermaksud menilai ketercapaian objektif penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO ke arah menghasilkan penyelidikan baru serta permasalahan yang menghalang ketercapaian matlamatnya. Ia merujuk kepada permasalahan yang berlaku dalam penggunaan data MyTO yang tidak dimanfaatkan oleh penyelidik dengan sebaiknya.

Sumber literatur penyelidikan fatwa yang terdapat dalam pangkalan data MyTO boleh diterokai dari sudut tajuk, tema, jenis kajian, tahun dan jumlahnya. Namun halangan kepada ketercapaian matlamat menghasilkan penyelidikan baru timbul apabila literatur-literatur yang ada tidak dijadikan rujukan untuk mengenal pasti kelompangan-kelompangan penyelidikan lanjutan yang boleh dilaksanakan. Jadi, objektif kepada penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO masih tidak berjaya.

Penilaian input pula bermaksud menilai kesediaan penyelidik untuk menggunakan data-data MyTO bagi menghasilkan penyelidikan fatwa berkualiti tinggi. Dalam hal ini, bukan semua pengkaji bersetuju atau sudi untuk terikat dengan data-data MyTO bagi menghasilkan penyelidikan baru. Ini bermakna masih terdapat data-data sokongan lain yang boleh dimanfaatkan pengkaji untuk menghasilkan penyelidikan lanjutan. Sekali lagi kita lihat kesediaan penyelidik untuk memberikan kerjasama menggunakan data-data MyTO tidak berjaya.

Manakala penilaian proses pula bermaksud menilai strategi-strategi proaktif yang boleh dilaksanakan dalam menghasilkan penyelidikan fatwa menggunakan data-data MyTO serta keberkesanan strategi-strategi tersebut. Antara strategi yang dipraktikkan ialah menjadikan data MyTO sebagai sokongan untuk mendapatkan geran penyelidikan daripada pihak berkepentingan.

Strategi ini dinilai wajar dan sesuai andai diperlukan oleh pihak berkepentingan tersebut serta berkesan dalam meyakinkan pihak berkepentingan untuk memberikan geran kerana literatur-literatur yang ada di dalamnya boleh digunakan untuk menyelesaikan permasalahan kajian.

Penilaian produk pula bermaksud menilai tahap ketercapaian penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO untuk menghasilkan penyelidikan baru berkualiti tinggi. Berdasarkan pemerhatian penulis, tahap ketercapaian penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO masih lemah kerana penyelidik bebas untuk menghasilkan penulisan tanpa terikat dengan satu pangkalan data sahaja, bahkan boleh mengumpul data mengikut gaya sendiri atau orang lain. Bahkan kadang-kadang, pangkalan data MyTO juga tidak dapat diakses dengan baik.

Setelah menghuraikan penilaian CIPP di atas, maka hasil terhadap tahap ketercapaian penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO serta penilaian impaknya terhadap penghasilan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi ini dapat dirumuskan dalam paparan jadual 2 seperti di bawah: Jadual 2: Tahap Ketercapaian Penyelidikan Fatwa Menggunakan Data MyTO

Model CIPP	Keberhasilan
Penilaian konteks	Tidak berjaya
Penilaian input	Tidak berjaya
Penilaian proses	Wajar/ sesuai
Penilaian produk	Lemah

Sumber: Penyelidikan, 2025

Merujuk kepada jadual 2 di atas, secara umumnya keberhasilan penyelidikan fatwa menggunakan data MyTO masih tidak memberangsangkan serta rendah. Walaupun begitu, ia masih boleh diperbaiki serta berpotensi untuk memberikan impak positif lagi signifikan dalam menghasilkan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi. Ini kerana data-data yang terdapat di dalamnya adalah sangat bernilai serta boleh dijadikan sebagai rujukan yang sah dan kukuh.

Antara langkah yang boleh dicadangkan ialah menambah kategori khusus hasil penyelidikan berasaskan tema dan impak penerbitan dalam pangkalan data ini seperti status skor sitasi seumpama yang dipamerkan oleh pangkalan data *Scopus* atau *Research Gate*.

Melalui kempen dan pembuktian awal berupa kejayaan menghasilkan penyelidikan berkualiti menggunakan data MyTO daripada mana-mana penyelidik, ia akan dapat membangkitkan lagi semangat untuk mengkaji pangkalan data ini.

Bagi meningkatkan nilai guna (*usability*) MyTO dalam menghasilkan penyelidikan lanjutan berkualiti tinggi, setiap tesis atau disertasi boleh disertakan dengan penunjuk impak akademik seperti bilangan sitasi dalam platform akademik lain seperti *Google Scholar* atau *Research Gate*. Sebagai contoh, tesis bertajuk 'Implementasi Kepatuhan Fatwa di TV AlHijrah: Kajian Evaluatif terhadap Penapisan Kandungan, (2017)' boleh dipautkan kepada artikel jurnal yang diterbitkan hasil daripadanya. Ini menunjukkan impak lanjutan penyelidikan fatwa dalam membuktikan MyTO bukan sekadar pusat repositori, tetapi juga ekosistem rujukan saintifik.

Begitu juga penambahan kategori dan indeks tematik fatwa boleh diperkenalkan. Caranya dengan membuat kategori atau sub kluster khusus di bawah bidang Pengajian Islam. Contohnya: Pengajian Islam –> Fatwa dan Fiqh Kontemporari. Kategori ini pula boleh dipecahkan lagi mengikut tema-tema utama yang sesuai dengan keperluan penyelidikan semasa. Contohnya: Institusi Fatwa; Metodologi Fatwa; Fatwa Muamalat dan Kewangan Islam; Fatwa dan Teknologi Baharu; Fatwa dan Perundangan dan sebagainya.

KESIMPULAN

Artikel ini secara umumnya membincangkan pangkalan data hasil ciptaan anak watan iaitu MyTO yang merupakan khazanah berharga negara. Pangkalan data ini kaya dengan sumber literatur hasil penyelidikan daripada para pelajar pengajian PhD, master dan latihan ilmiah di institusi awam dan swasta termasuk berkaitan bidang fatwa. Namun sayang kekayaan sumber maklumat yang terdapat di dalamnya tidak dimanfaatkan sebaik mungkin oleh para penyelidik untuk dikembangkan lagi bagi menghasilkan penyelidikan lanjutan yang berkualiti. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai tahap ketercapaian penyelidikan lanjutan dalam bidang fatwa yang menggunakan data-data daripada MyTO serta menilai impaknya terhadap penghasilan penyelidikan lanjutan yang berkualiti di institusi pengajian tinggi.

Dapatan kajian menemui kelemahan yang ketara berkaitan tahap ketercapaian penyelidikan lanjutan serta rendah impaknya. Oleh itu, penulis mencadangkan supaya langkah proaktif dilaksanakan untuk merancakkan kembali penghasilan penyelidikan fatwa

yang baru dengan kaedah menonjolkan hasil penyelidikan berasaskan tema dan status skor sitasi. Bagi penyelidik akan datang, cadangan pelaksanaan strategi ini boleh dilakukan kajian lanjutan untuk mengukur sejauh mana kejayaan dan pengaruhnya andai ia benar-benar dapat dilaksanakan.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada output geran penyelidikan yang bertajuk "Analisis Penulisan dan Kajian Fatwa di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia" (KIAS/40312/KRG23/038) yang dibiayai oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu Kelantan.

RUJUKAN

Abd Rahman, A. R., Mohd Nadzar, F., & Sahrani, R. (2013). Pengabstrakan dan pengindeksan di Malaysia: satu tinjauan. *Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan llmu*, *2*, 79-94.

Abidin, M. S. Z., & Abd Latif, F. (2022). Kajian bibliometrik penerbitan mengenai al-Ghazali dalam pangkalan data Scopus. *Islamiyyat*, *44*, 41-52.

Ahmad, F. A. (2024). Analisis bibliometrik penerbitan prestasi institusi kewangan islam dalam pangkalan data Scopus. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 157-179.

_____ & Ibrahim, A. (2022). Analisis Bibliometrik Ke Atas Hisbah Dan Ombudsman Dalam Pangkalan Data Scopus. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 79-94.

Amir, A. N. (2022). Imam Al-Nawawi: Riwayat Ringkas Tentang Latar Pemikiran Dan Pengaruhnya. *JURNAL YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, *2*(1).

Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches.* 3rd ed. Thousand Oaks. CA: Sage Publications.

Hussain, A. A., Ghani, H. A., Zain, U. A. M., & Abdullah, M. A. (2024). Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Fatwa: Analisis Bibliometrik Tesis Malaysia dalam Talian (MyTO) Selama Empat Dekad: Fatwa-Related Research and Writing: A Bibliometric Analysis of Malaysian Thesis Online Over Four Decades. RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge, 5(2), 71-92.

Khalli, M. N. M., & Halmi, M. F. A. (2023). Analisis Bibliometrik Kajian Sains Sosial Di Universiti Malaysia Sabah (Ums) Dalam Pangkalan Data Scopus Sehingga Tahun 2021. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, *34*(1), 1-18.

Malaysian Thesis Online, MyTO. http://myto.upm.edu.my/find/

Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Mohd Nasir Abdul Majid. (2021). Tinjauan penyelidikan fatwa di Malaysia: Kajian pangkalan data dalam talian menggunakan Scopus. Proceeding of the 8th Orang Conference on Management and Muamalah 2021 (IcoMM 2021). http://conference.kuis.edu.my/icomm/8th/images/021-092.pdf

Muizzudin Kaspol. (2024). Temu bual dengan informan pada 16 Disember 2024 di bilik Perpustakaan Universiti Putra Malaysia.

Nasir, K., Zaman, R. K., & Adnan, I. (2023). Analisis Bibliometrik Tesis dan Disertasi Tentang Ulama Hadith Dalam Kajian Pascasiswazah Di Malaysia. *HADIS*, *13*(26), 71-85.

Nasir, M. K. M., Zaman, A. R. K., Azid, M. A. A., & Hussain, A. A. (2021). Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: Suatu sorotan literatur. *Hadis*, *11*(22), 770-779.

P Van Dalen, Deobold. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Terj. Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd Majid Konting. Ed. 3. Selangor: Universiti Pertanian Malaysia.

Portal Malaycivilization. https://malaycivilization.com.my/

Portal u-Pustaka. https://www.u-library.gov.my/portal/web/guest/home

Rowley, J. E., & Hartley, R. J. (2008). Organizing knowledge: an introduction to managing access to information. Ashgate Publishing, Ltd

Thomas Kellaghan, Daniel L. Stufflebeam dan Lori A. Wingate. (2003). *International Handbook of Educational Evaluation.* Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.

Yusof, A. R. M., Hamdan, M. F., & Baharuddin, S. A. (2015). Pembangunan pangkalan data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu: Suatu usaha memposisi dan memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat global. *Journal of Social Sciences and Humanities. Bangi: Faculty of Sosial Sciences and Humanities, UKM*.

Zulkefli Mohd Yusop. (2007). Malaysia Theses Online (MyTO): An approah for managing universities electronic theses and dissertations. *International Conference On Libraries (ICOL) 2007*. Universiti Sains Malaysia.